

Sistem Bilangan Bahasa Melayu Pada Abad Ke-17: Tinjauan Terhadap Kamus Thomas Bowrey 1701

Mohd Tarmizi Hasrah

*Pusat Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia*

PENGENALAN

Sekitar awal abad ke-16 sehinggalah awal abad ke-19, para petualang Eropah yang datang berkunjung ke Alam Melayu, tidak kiralah atas dasar apa kunjungan itu sama ada untuk menjajah atau berdagang atau atas misi keagamaan sekalipun, setidak-tidaknya mereka berasa takjub dan kagum melihat keadaan dan sifat Bahasa Melayu pada waktu itu. Mereka takjub dan kagum melihat persebaran Bahasa Melayu yang tersangat luas jangkauan geografinya. Hal ini kerana pada waktu itu, Bahasa Melayu merupakan bahasa yang dituturkan hampir di semua pusat perdagangan utama di rantau ini. Begitulah panorama linguistik di Melaka, Aceh, Batavia, Kepulauan Maluku, Bangka dan sebagainya lagi di perlabuhan besar di rantau ini. Seperti yang dicatat oleh Anthony Reid (1988: 7) di pusat tersebut pada ketika itu “sekurang-kurangnya orang yang berurusan dengan perniagaan dan perdagangan... perlu bertutur dalam Bahasa Melayu serta bahasa ibunda mereka sendiri.” Demikian deskripsi Reid tentang Bahasa Melayu di pusat perdagangan utama di Alam Melayu.

Keluasan persebaran Bahasa Melayu pada waktu itu sebenarnya tidak hanya terbatas pada mandala ruang (geografi) semata-mata, malah turut juga meliputi mandala sosiologinya. Yang terakhir ini bererti bahawa pada waktu itu Bahasa Melayulah yang berperanan sebagai bahasa komunikasi rentas etnik. Juga, yang pentingnya, sebagai *lingua franca* di rantau ini, selain turut berperanan sebagai bahasa wacana ilmu yang tinggi seperti teologi, falsafah, sastera, undang-undang, sains dan teknologi. Kebesaran bahasa Melayu seperti yang diperikan itu lantas memunculkan suatu usaha dari kalangan para petualang Eropah itu untuk membanding- bandingkan peranan bahasa di sini, di Alam Melayu, dengan bahasa-bahasa dibelahan dunia yang lain, misalnya di Eropah sendiri. Begitulah yang dilakukan oleh seorang Jesuit dari Belanda yang bertugas di Ambon, Francois Valentyn. Dalam bukunya, seperti yang dipetik oleh Collins (2005: 43), Jesuit Kristian ini mencatat bahawa “bahasa Melayu

...tidak hanya digunakan di pantai-pantai, tetapi digunakan di seluruh Hindia Belanda, termasuk negeri-negeri timur sebagai bahasa yang dimengerti di mana saja dan oleh siapa saja, seperti bahasa Prancis atau Latin di Eropah, atau sebagai *lingua franca* di Italia atau Levant sehingga dengan mengetahui bahasa itu tidak ada orang yang dapat tersesat kerana digunakan dan dimengerti di Persia, di luar perdesaan di dalam daerah itu, dan juga sampai jauh ke Filipina.”

Deskripsi Valentyn itu jelas menggambarkan keadaan dan sifat Bahasa Melayu ketika itu, yakni sewaktu dia menjejakkan kakinya ke rantau ini. Panorama yang dilihatnya jelas mengagumkannya, malah pada anggapan Valentyn (dalam Collins 2005: 43) “...jika anda tidak mengerti bahasa ini, anda akan dianggap sebagai orang yang sangat tidak terdidik di dunia timur.”

Sesungguhnya, keadaan dan sifat Bahasa Melayu pada period emas itu justeru membolehkan bahasa ini dikategorikan sebagai bahasa moden tahap awalan (Collins 1989; 2005). Walau bagaimanapun, suatu hal yang perlu dinyatakan berakibat daripada keadaan dan sifat Bahasa Melayu

yang persebarannya mencakup mandala ruang dan sosiologi masyarakat di Alam Melayu pada ketika itu, ialah tentangan kepada para petualang Eropah yang sering berdatangan ke rantau ini tetapi tidak mengerti Bahasa Melayu. Mengenai perkara ini tidak jarang kita mendengar penahanan para petualang tersebut oleh masyarakat setempat. Mungkin penahanan itu disebabkan perasaan curiga oleh masyarakat setempat terhadap orang yang mereka anggap asing. Namun, setidaknya-tidaknya ia tentunya berpuncakan akibat kegagalan para petualang itu berbahasa Melayu bagi menjelaskan dan menerangkan tujuan kedatangan mereka ke rantau ini. Hal seperti itulah yang berlaku ke atas Ferderick de Houtman yang ditahan di Aceh, juga nakhoda David Woodard yang terdampar dan ditahan di Sulawesi Tengah berhampiran Donggala (Collins 1996; 2006). Menginsafi akan sukarnya untuk berpergian ke Alam Melayu jikalau tidak memahami bahasa Melayu dan tidak boleh bertutur dalam Bahasa Melayu, juga untuk tidak dianggap sebagai manusia "... tidak terdidik di dunia timur" seperti yang dianggap Valentyn itu, maka muncullah usaha-usaha daripada para petualang Eropah untuk mempelajari Bahasa Melayu. Hasil daripada pembelajaran dan seterusnya penguasaan akan Bahasa Melayu itu lalu dibukukan menjadi buku dan kamus yang terdiri daripada pedoman perbualan, kamus dwibahasa dan pedoman tatabahasa sebagai petunjuk kepada rakan-rakan mereka di Eropah yang ingin belayar ke timur.

Memang cukup banyak sekali buku dan kamus mengenai Bahasa Melayu yang ditulis pada masa emas itu, tetapi tujuan penerbitannya bukanlah dikerjakan atas penelitian yang bersifat ilmiah sebaliknya hanya didasarkan pada aspek pragmatiknya sahaja, iaitu dengan tujuan untuk memudahkan para petualang Eropah membuat persediaan mempelajari dan memahami Bahasa Melayu sebelum mereka datang ke Alam Melayu. Lihat misalnya buku-buku, antaranya oleh Frederick de Houtman – *Spraeck ende woordboek, inde Malaeyse end Madagaskarhe talen met vele Arabische ende Turesche woorden* (1603), Albert Ryull – *Spieghel vande Maleysche tale* (1612), Sebastian Dankaerts dan Caspar Wiltens – *Vocabularium ofte woortboekhaer order varden alphabet in 't Duytsch-Maleysch ende Maleysch-Duytsch* (1623), Joannes Roman – *Grondt ofte kort bericht van de Maleysche tale* (1655) dan Thomas Bowrey – *A dictionary English and Malayo and Malayo English* (1701) sendiri.

Makalah ini adalah bertujuan untuk membincangkan secebis isi kandungan daripada salah satu terbitan yang disenaraikan di atas, iaitulah kamus Thomas Bowrey yang diterbitkan pada tahun 1701. Sehubungan itu, makalah ini akan mencuba melihat sistem bilangan yang terdapat dalam kamus tersebut, meliputi kata bilangan dan penjodoh bilangan. Perbincangan mengenai sistem bilangan tersebut akan bertumpu pada aspek strukturnya. Juga, yang akan turut disentuh aspek semantiknya. Dengan perbincangan yang sedemikian agarnya suatu deskripsi utuh mengenai sistem bilangan Bahasa Melayu abad ke-17 berdasarkan kamus Bowrey itu diperoleh. Sebenarnya, telah ada beberapa tulisan sebelum ini yang mengkaji kamus Bowrey, misalnya Rahim (1997; 1999) dan Mashudi (2009). Namun, kedua-dua pengkaji awal itu tidak menyentuh mengenai sistem bilangan kendati tulisan mereka, terutamanya Mashudi, tampak lebih menyeluruh dan tuntas analisisnya tetapi tetaplah tertumpu pada aspek gramatikalnya sahaja seperti analisis morfologi dan sintaksis. Manakala tulisan Rahim itu pula hanya membahas beberapa kata pada entri tertentu yang sudah arkaik dan beberapa kata yang telah mengalami perubahan/perkembangan semantik.

Untuk tujuan makalah ini, sistem bilangan didefinisikan sebagai suatu sistem yang terdiri daripada dua jenis kategori kata fungsian, iaitu kata bilangan dan penjodoh bilangan, yang mana kedua-dua kategori kata itu pula akan hadir secara berurutan untuk membentuk satu frasa. Misalnya, kata bilangan [*empat*] dan penjodoh bilangan [*helai*], perlu hadir secara berurutan untuk membentuk frasa [*empat helai*]. Hakikatnya, frasa "hadir secara berurutan" itu sangat penting dalam konstruksi frasa sistem bilangan. Malah, Za'ba (2000: 170) sendiri pernah mempersalahkan penggunaan frasa bilangan oleh penutur Bahasa Melayu tanpa, misalnya penjodoh bilangan, seperti dalam frasa [*empat telur*] [*tiga burung*] [*enam limau*] dan sebagainya. Kata bilangan pula bererti suatu set kata yang bertujuan untuk menghitung sesuatu yang terdapat dalam realiti. Ada beberapa jenis kata bilangan:

- i) kata bilangan biasa seperti satu, dua, tiga;
- ii) kata bilangan taktentu seperti beberapa, segala;
- iii) kata bilangan yang menyatakan kumpulan seperti berempat, berlima;
- iv) kata bilangan tingkat; dan
- v) pecahan (Mees 1969: 137).

Penjodoh bilangan pula bererti suatu set kategori kata yang berfungsi sebagai penerang kepada kata nama yang hadir selepas daripada urutan kata bilangan + penjodoh bilangan, misalnya [*empat biji telur*].

THOMAS BOWREY DAN KEMUNNCULAN KAMUS DWIBAHASA

Pada tahun 1688, iaitu ketika dalam pelayaran yang panjang merentasi saujana bahari untuk kembali semula ke tanah airnya, England, setelah 19 tahun menetap di Teluk Bengal, India, Thomas Bowrey, seorang lelaki berbangsa Inggeris, dengan tekunnya menulis sebuah kamus dwibahasa, Melayu (digelar *Malayo* oleh Bowrey) Inggeris dan Inggeris Melayu. Kamus ini diberi judul, *A Dictionary English & Malayo & Malayo English*, yang telah diterbitkan oleh *Sam London* pada tahun 1701 (Boerey). Penerbitan kamus ini dilakukan selang beberapa tahun selepas kepulangannya ke England. Kamus dwibahasa ini bolehlah dikatakan sebagai kamus Melayu Inggeris yang terawal. Walaupun sebelum kamus ini diterbitkan telah ada beberapa kamus lain tetapi kamus yang lain itu berdwibahasakan bahasa Belanda-Melayu dan bahasa Latin-Melayu.

Kapten Thomas Bowrey dilahirkan pada tahun 1662, dan meninggal dunia pada tahun 1773 di England. Beliau merupakan seorang pedagang yang memiliki pengalaman yang luas di belahan dunia Timur. Beliau telah belayar lalu menetap di Teluk Bengal serta melanjutkan pelayarannya di perpulauan lautan selatan atau juga dikenali sebagai Asia Tenggara. Pemastautinan yang lama, iaitu kira-kira 19 tahun di Teluk Bengal dan pengalaman belayar di pusat perdagangan utama di Asia Tenggara memungkin terjadinya kontak antara Bowrey dengan masyarakat setempat. Kontak sebegini membolehkan Bowrey terdedah dengan wahana komunikasi masyarakatnya lalu membolehkan beliau menguasai bahasa yang dituturkan oleh masyarakat setempat itu, iaitu Bahasa Melayu, terutamanya di pusat perdagangan di Asia Tenggara. Walaupun begitu dapatlah juga diandaikan bahawa penguasaan Bahasa Melayu oleh Bowrey itu mungkin juga berakibatkan daripada keterpaksaan Bowrey sendiri kerana pada waktu itu, di Asia Tenggara, memang Bahasa Melayu itulah yang dijadikan wahana komunikasi. Tanpa penguasaan terhadap Bahasa Melayu ketika itu mana mungkin boleh berlaku sesuatu urusan perdagangan, misalnya. Begitulah gambaran latar belakang Bowrey dan bagaimana kontak beliau dengan Bahasa Melayu ketika itu terjadi. Penggambaran sebegini penting kerana melaluinya dapat pula ditelusuri mengapa Bowrey sanggup meluangkan masa untuk menyiapkan sebuah kamus dwibahasa, Melayu-Inggeris, itu.

Jika diperhatikan bahagian pengenalan kepada kamus Bowrey, terdapat beberapa perkara yang dinyatakan oleh Bowrey tentang mengapa beliau menulis kamus tersebut. Secara umumnya, alasan Bowrey berkait rapat dengan keadaan bahasa Melayu ketika itu. Menurutnya, Bahasa Melayu ketika itu digelarnya sebagai “basa dagang,” atau “*the merchant or trading language*.” Hal ini kerana, menurut Bowrey, “*whereas in all the island of Sumatera, Java, Borneo, Macassar, Balee, Cumbava, Sallayer, Boontoon, Booroo, Ceram, the Mollucas, and innumerable island, the Malayo language is received and generally used in an the trading ports of the island.*” Bersebabkan penggunaan bahasa Melayu merupakan bahasa komunikasi di pusat perdagangan tersebut itulah makanya ia digelar Bowrey sebagai “basa dagang.” Oleh itu bagi Bowrey, jika demikianlah keadaannya Bahasa Melayu, tentunya satu kerugian kepada para pedagang yang ingin berdagang di rantau ini jika tidak memahami dan tidak boleh berkomunikasi dalam Bahasa Melayu. Justeru itulah beliau mencatat dalam bahagian pengenalan kamus itu bahawa kehadiran kamus ini merupakan suatu keperluan mendesak terutama kepada para pedagang Inggeris yang ingin berdagang ke Alam Melayu.

Jadi, perkara yang boleh disimpulkan mengenai perbincangan dalam bahagian ini ialah kemunculan kamus Bowrey itu sebenarnya ikut terkait dengan keadaan dan sifat Bahasa Melayu pada masa yang digelar masa moden awal bagi bahasa tersebut. Berakibatkan faktor pragmatiknya dan kesedaran akan kepentingan materialistik apabila menguasai Bahasa Melayu, maka Bowrey sanggup bertungkus lumus segenap tenaganya bagi menyiapkan kamus tersebut sebagai panduan berguna kepada para pedagang Eropah terutamanya para pedagang berbangsa Inggeris sebelum belayar ke Alam Melayu.

Secara fizikalnya, kamus Bowrey itu, sepertimana juga yang lazimnya dalam sesebuah kamus, tentulah memuatkan senarai kosa kata dari bahasa sumber bersekali dengan maknanya ke dalam bahasa sasaran yang disusun mengikut abjad, bermula dari abjad /a/ hinggalah /z/. Dalam kes kamus Bowrey ini, bahasa sumbernya ialah Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris merupakan bahasa sasaran, dan kebalikan daripadanya. Bowrey menyusun entri kamusnya dalam dua bahagian. Bahagian pertama memuat entri dari Bahasa Inggeris dengan maknanya dalam Bahasa Melayu, dan bahagian kedua pula memuat entri dari Bahasa Melayu dengan maknanya dalam Bahasa Inggeris. Mengenai perkara ini, kaedah Bowrey memaknakan sesuatu kata dalam kamusnya itu adalah dengan memadankan kata demi kata. Ertinya, setiap satu kata akan diberikan satu makna tertentu, makna kata yang bersifat sehalu. Selain itu juga, Bowrey turut memuatkan lapan panduan dan contoh perbualan dalam bahasa Melayu yang diatur berdasarkan perbualan di antara dua orang penutur; bertanya jawab. Turut dimuatkan dalam kamus Bowrey itu termasuklah juga pemaparan tentang beberapa jenis golongan kata dan bagaimana golongan kata tersebut digunakan dengan sebetulnya dalam bahasa ini—pemaparan mengenai sistem pembilangan dalam Bahasa Melayu ketika itu termuat dalam bahagian ini.

KATA BILANGAN DALAM KAMUS MALAYO ENGLISH

Di samping senarai kata dan perbualan dalam Bahasa Melayu, hal yang turut mendapat perhatian Bowrey di dalam kamusnya itu ialah sistem pembilangan (yang memakan helaian sebanyak 3 muka surat). Sistem permbilangan yang mendapat perhatian Bowrey ialah nombor, dan nombor perpuluhan, dan penjodoh bilangan. Berikut adalah kata bilangan Bahasa Melayu yang terdapat dalam kamus Bowrey,

a. Nombor

- i. Rumah sa: *satoo* 'satu' *dua* 'dua' *tega* 'tiga' *ampat* 'empat' *lema* 'lima' *nam* 'enam' *toojoo* 'tujuh' *delapan* 'lapan' *sambelan* 'sembilan'
- ii. Rumah puluh: *sapooloo* 'sepuluh' *sablas* 'sebelas' *duablas* 'dua belas' *tega blas* 'tiga belas' *ampat blas* 'empat belas' *lema blas* 'lima belas' *nam blas* 'enam belas' *toojoo blas* 'tujuh belas' *delapan blas* 'lapan belas' *sambelan blas* 'sembilan belas' *dua pooloo* 'dua puluh' *dua pooloo satoo* 'dua puluh satu' *dua pooloo dua* 'dua puluh dua' *dua pooloo tega* 'dua puluh tiga' *dua pooloo ampat* 'dua puluh empat' *dua pooloo lema* 'dua puluh lima' *dua pooloo nam* 'dua puluh enam' *dua pooloo delapan* 'dua puluh lapan' *dua pooloo sambelan* 'dua puluh sembilan' *tega pooloo* 'tiga puluh' *ampat pooloo* 'empat puluh' *lema pooloo* 'lima puluh' *nam pooloo* 'enam puluh' *toojoo pooloo* 'tujuh puluh' *delapan pooloo* 'lapan puluh' *sambelan pooloo* 'sembilan puluh'
- iii. Rumah ratus: *ratoos* 'ratus' *sa ratoos* 'seratus' *dua ratoos* 'dua ratus'
- iv. Rumah ribu: *reboo* 'ribu' *sa reboo* 'seribu' *dua reboo* 'dua ribu' *tega reboo* 'tiga ribu' *laxa* 'laksa' *sa laxa* 'selaksa' *keetee* 'keti' *sa keetee* 'seketi'

b. Nombor Perpuluhan/Pecahan

Soocoo 'suku' *sa soocoo* 'sesuku' *tenga* 'tengah' *tega soocoo* 'tiga suku' *satoo sa soocoo* 'satu sesesuku' *dua tega soocoo* 'dua tiga suku' *tenga dua* 'tengah dua' *tenga tega* 'tengah tiga'

c. Penjodoh Bilangan/Penanda bilangan/Penunjuk Jenis

1. Untuk merujuk '*...of any mankind*': *uran* 'orang' *sa uran* 'seorang'
Contoh: a. *uran parampoan sa oran* 'seorang perempuan'
b. *uran lakee sa oran* 'seorang lelaki'
2. Untuk merujuk kepada '*...of any living creature except man*': *ecor* 'ekor' *sa ecor* 'seekor'
Contoh: c. *cooda ampat ecor* 'empat ekor kuda'
d. *boorooong toojoo ecor* 'burung tujuh ekor'
3. Untuk merujuk '*...of any feed or fruit*': *bidjee* 'biji' *sa bidjee* 'sebiji'
Contoh: e. *booa deleema delapan pooloo bidjee* 'lapan puluh biji buah delima'
f. *pohone lema pooloo bidjee* 'lima puluh biji pohon'
4. Untuk merujuk '*...of any thing of substance*': *booa* 'buah' *sa booa* 'sebuah'
Contoh: g. *coota dua pooloo booa* 'dua puluh buah kota'
h. *rooma tega pooloo booa* 'tiga puluh buah rumah'
5. Untuk merujuk '*...of any natural thi*': *ley* 'helai' *sa ley* 'sehelai'
Contoh: i. *dawon sambelan pooloo ley* 'sembilan puluh helai daun'
j. *coolit sa ratoos ley* 'dua ratus helai kulit'
6. Untuk merujuk '*...of any artificial thing*': *keping* 'keeping' *sa keping* 'sekeping'
Contoh: k. *cartas dua ratoos keping* 'dua ratus keping kertas'
l. *pedang tega ratoos keping* 'tiga ratus keping pedang'
7. Untuk merujuk '*...of any thing solid*': *batoo* 'batu' *sa batoo* 'sebatu'
Contoh: m. *batoo sa batoo* 'sebatu batu'
n. *gigee sa pooloo batoo* 'sepuluh batu gigi'

PERBINCANGAN

Banyak perkara yang boleh dibahaskan berdasarkan maklumat yang dipaparkan di atas itu jikalau direnungkannya sedalam-dalamnya. Justeru, dalam bahagian ini akan dibahaskan beberapa perkara bersabit dengan maklumat yang dipaparkan tersebut. Pertamanya ialah mengenai sistem ortografi yang dipakai oleh Bowrey di dalam kamusnya. Sekilas pandang, sistem ortografi Bowrey mungkin mengelirukan pembaca sasarannya, para pedagang berbangsa Inggeris yang ingin berpetualang ke Alam Melayu, malah sistem ortografi itu juga mungkin mengelirukan penutur natif Bahasa Melayu sendiri. Sememangnya disadari bahawa wujudnya kekangan yang dihadapi Bowrey kerana ketika beliau menulis kamus tersebut ilmu fonetik, walaupun telah memperlihatkan kemajuan di Eropah tetapi masih lagi belum berkembang dengan pesatnya. Jadi, tanpa bantuan ilmu fonetik moden tentunya akan mendatangkan masalah kepada Bowrey untuk mentranskripsi bunyi-bunyi Bahasa Melayu ke dalam bentuk tulisan dengan lebih tepat. Kekangan yang dihadapi Bowrey ketika itu turut berkaitan dengan perbezaan sistem ortografi di antara Bahasa Melayu, yang menggunakan aksara jawi, dengan bahasa Inggeris, yang menggunakan aksara rumi/latin. Perbezaan inilah sebenarnya ikut memberi kesan kepada ortografi dalam kamus Bowrey itu.

Bersebabkan hal-hal beginilah maka terdapatnya lambang-lambang dalam ortografi Bowrey yang kadang kalanya merujuk kepada bunyi-bunyi yang sama. Misalnya bunyi vokal /i/ dilambangkan dengan tiga simbol sekaligus iaitu [ee], [e] dan [i] seperti dalam contoh di sebelah:

[keetee] 'keti'
 [tega] 'tiga'
 [reboo] 'ribu'
 [bidjee] 'biji'

Bunyi vokal /u/ dilambangkan dengan simbol [oo] dan [u], contohnya:

[pooloo] 'puluh'
 [dua] 'dua'

Bunyi konsonan /k/ dilambangkan dengan simbol [k] [c] dan [x], contohnya

[ecor] 'ekor'
 [soocoo] 'suku'
 [keetee] 'keti'
 [laxa] 'laksa/puluh ribu'

Terdapat beberapa variasi untuk vokal tengah madya atau vokal *schwa*, / /, contohnya:

/ə/ > [a] dalam suku kata praakhir tertutup seperti [ampat] 'empat' [sambelan] 'sembilan.'

> ø dalam suku kata praakhir terbuka seperti [nam] 'enam' [blas] 'belas.'

Selain wujudnya pertindihan dalam pengenaan ortografi, sistem ortografi Bahasa Melayu dalam kamus Bowrey itu kelihatannya menunjukkan adanya pengaruh Bahasa Inggeris, iaitu bahasa natif Bowrey sendiri. Ini dapat dikesan pada bunyi konsonan [c] yang sebenarnya merujuk kepada bunyi konsonan hentian glotal, /k/, dalam Bahasa Melayu seperti dalam [ecor] 'ekor' [soocoo] 'suku' dan lain-lain. Dalam Bahasa Inggeris, bunyi konsonan /c/ merupakan simbol kepada bunyi konsonan [k]. Contoh lain yang juga berkaitan dengan pengaruh Bahasa Inggeris itu ialah pengguguran konsonan geseran glotal, /h/, pada akhir kata seperti dalam kata [tenga] 'tengah', [sapooloo] 'sepuluh', [toojoo] 'tujuh' dan [pooloo] 'puluh'. Memang dalam sistem fonologi Bahasa Inggeris, /h/ tidak pernah muncul diakhir kata. Walaupun ada simbol [h] pada posisi tersebut tetapi penyimbolan itu hanya digunakan dalam tulisan sahaja. Ini bererti simbol [h] pada posisi akhir dalam tulisan berbahasa Inggeris bertujuan sebagai simbol bunyi vokal yang hadir sebelumnya, misalnya [a:], seperti dalam kata seru /bah/ yang dibunyikan sebagai [ba:]; /ah!/ yang ibunyikan sebagai [a:] (Collins 2005: 56).

Memang terdapat suatu kecenderungan kepada petualang-petualang Eropah yang berminat mendokumentasikan Bahasa Melayu pada ketika itu akan selalu sahaja dipengaruhi oleh bahasa ibunda masing-masing. Selain Bowrey, lihat juga tulisan, antaranya de Houtmen, Dankaerts, Ryull atau mana-mana tulisan yang disenaraikan pada bahagian pendahuluan makalah ini. Mungkin faktor yang paling utama yang menimbulkan kecenderungan tersebut ialah bersebabkan perbezaan sistem ortografi itulah. Kalau berbeza sistem ortografi tetapi masih lagi ada kemampuan untuk memahami dan menulis dalam ortografi bahasa sasaran, itu tidaklah menjadi masalah. Yang menjadi masalahnya ialah yang tidak memahami dan tidak pandai menulis dalam bahasa sasaran. Dengan yang kedua itu, maka timbullah kecenderungan untuk meminjam sedikit sistem ortografi bahasa ibundanya untuk dipakai terhadap bahasa sasaran. Mengenai perihal Bowrey pula, Marsden (dalam Collins 2005: 68) pernah menggelarnya sebagai 'buta huruf' kerana tidak mengerti jawi. Jadi, bersebabkan hal-hal begini tidak hairanlah mengapa ortografi dalam kamus English-Malayo banyak dipengaruhi oleh ortografi bahasa Inggeris ketika itu.

Jadual 1: Perbandingan nombor Bowrey dengan nombor MP

MP	BM-Bowrey	Makna
*esa , *sA	satoo, sa	satu
*dua()	dua	dua
*təlu	tega	tiga
*əmpat	ampat	empat
*lima	lema	lima
*ənəm	nam	enam
*tujuh	toojoo	tujuh
*dua() alap-an	delapan	lapan
*esa ambil-an	sambelan	sembilan
sA-puluh	sapooloo	sepuluh

* melambangkan bahasa induk/bahasa sumber/bahasa purba hipotesis

Suatu perkara yang berkaitan dengan nombor dalam kamus Bowrey ialah terdapatnya beberapa istilah penomboran yang sudah teramat jarang digunakan oleh penutur Bahasa Melayu kini, walaupun tidak sudah dianggap sebagai arkaik tapi masih dimasukkan sebagai entri dalam Kamus Dewan Edisi ke-4 (2006), iaitu istilah yang sudah tidak lagi digunakan kerana adanya penggantian dengan istilah yang baharu. Istilah yang dimaksudkan ini merujuk kepada istilah puluh ribu dan ratus ribu. Pada masa Bowrey menulis kamusnya, istilah yang dipakai oleh beliau bagi merujuk kepada puluh ribu ialah [*laxa*] "laksa" dan [*keetee*] "keti" untuk ratus ribu.

Walaupun bagaimanapun, aspek penomboran itu berbeza pula dengan penjodoh bilangan. Hal ini kerana terdapat sejenis penjodoh bilangan yang menunjukkan adanya perbezaan jika dibandingkan dengan Bahasa Melayu kini. Ambil contoh, misalnya [*bidjee*]. Mengenai hal penjodoh bilangan ini, Bowrey mentakrifkan [*bidjee*] sebagai "one of any feed or fruit." Justeru, dengan takrif begini, beliau lantas memberikan beberapa contoh penggunaan [*bidjee*] dalam ayat bahasa Melayu ketika itu antaranya [*pohone lema pooloo bidjee*] "lima puluh biji pohon" dan [*booa delema delapan pooloo bidjee*] "lapan puluh biji buah delima." Berbeza dengan bahasa Melayu pada masa ini seperti yang terdapat dalam Kamus Dewan Edisi ke-4 (2006: 183) yang mentakrifkan [*biji*] sebagai penjodoh bilangan untuk "benda-benda kecil" seperti dalam ayat "beri aku beberapa biji daripada buah itu." Dalam hal ini, kita dapat lihat bahawa adanya perbezaan makna di antara penjodoh bilangan [*bidjee*] dalam kamus Bowrey dengan [*biji*] dalam Kamus Dewan. Jikalau dalam kamus Bowrey makna [*bidjee*] merangkumi "benda-benda kecil" sama seperti yang dimaksudkan oleh Kamus Dewan itu dan termasuk juga tumbuh-tumbuhan seperti contoh [*pohone lema pooloo bidjee*], tetapi makna dalam Kamus Dewan sebenarnya hanya terbatas kepada makna yang pertama itu sahaja. Ini membuktikan bahawa terdapatnya penyempitan makna bagi penjodoh bilangan [*biji*] dalam Bahasa Melayu kini jika dibandingkan dengan [*bidjee*] dalam bahasa Melayu abad ke-17.

Ketiganya berkait dengan struktur penjodoh bilangan. Hampir 50 tahun yang lalu, Za'ba dalam *magnum opus*-nya, *Pelita Bahasa Melayu Penggal I*, mencatat bahawa "salahlah pada kaedah Melayu jika dikata 'satu kerbau,' 'dua telur,' 'tiga limau,' 'tujuh bunga,' dan sebagainya, kerana tiada memakai penanda bilangan" (Za'ba 2000: 170). Apakah yang dimaksudkan 'penanda bilangan' oleh Za'ba itu? Yang dimaksudkan oleh Pendeta Za'ba dengan 'penanda bilangan' itu ialah penjodoh bilangan itulah. Melalui kenyataan Za'ba itu jelaslah kepentingan penjodoh bilangan dalam Bahasa Melayu, malah disalahkan oleh beliau jika tidak menggunakannya dalam konstruksi ayat seperti yang diberikan contohnya oleh Za'ba. Justeru itulah perkara yang ketiga ini akan dibicarakan pula soal penjodoh bilangan yang terdapat dalam kamus Bowrey itu.

Dalam ilmu sintaksis Bahasa Melayu, penjodoh bilangan yang boleh dihadiri oleh kata bilangan sebelumnya tergolong dalam kategori penentu hadapan bagi membentuk frasa nama. Penentu hadapan yang terdiri daripada penjodoh bilangan yang sebelumnya dihadiri oleh kata bilangan itu pula merupakan unsur-unsur yang hadir di hadapan kata nama (Nik Safiah *et al.* 2000: 349). Konstruksi ini boleh dilihat contohnya melalui ayat-ayat di bawah ini.

- a. lima orang askar
- b. sepuluh buah bangunan
- c. kelima-lima ekor kambing

Dalam ayat o, p dan q, penentu hadapan iaitu gabungan kata bilangan (lima, sepuluh, kelima-lima) dengan penjodoh bilangan (orang, buah, ekor) merupakan unsur yang memberi ketentuan kepada inti (askar, bangunan, kambing). Ini bererti unsur yang dihitung itu merujuk kepada jumlah inti seperti askar yang terdiri daripada lima orang, “dan” bangunan ada sepuluh buah.” Berdasarkan konstruksi ayat o, p dan q juga dapatlah dibuat suatu rumus pembentukannya iaitu:

Penentu hadapan > Kata bilangan + penjodoh bilangan + kata nama

Bagaimana pula dengan penentu hadapan dalam kamus Bowrey? Bowrey dalam kamusnya itu tidaklah menggunakan istilah teknikal seperti penentu hadapan ketika membicarakan perihal fenomena itu. Sebaliknya, beliau hanya menerangkan bahawa “*in numbering things, they have express words for several kinds of things to number 'd, which they always repeat after the number.*” Berdasarkan kenyataan ini, jelas bahawa konstruksi penentu hadapan masih sama dengan rumus piawai pembentukan penentu hadapan dalam bahasa Melayu iaitu “*...always repeat after the number.*” Mengenai perkara ini, Bowrey memberikan contoh-contoh seperti di bawah:

- a. *cooda ampat ekor* ‘empat ekor kuda’
- b. *uran parampoan sa oran* ‘seorang perempuan’
- c. *booa delema delapan pooloo bidjee* ‘lapan puluh biji buah delima’
- d. *coota dua pooloo booa* ‘dua puluh buah kota’
- e. *dawon sambelan pooloo ley* ‘sembilan puluh helai daun’
- f. *cartas dua ratoos keping* ‘dua ratus keping kertas’
- g. *gigee sapooloo batoo* ‘sepuluh batu gigi’

Daripada frasa-frasa di atas, jelas bahawa penjodoh bilangan seperti [*ekor*] ‘ekor’ [*oran*] ‘orang’ [*bidjee*] ‘biji’ dan lain-lain sentiasa hadir selepas nombor [*ampat*] ‘empat’ [*sa*] ‘se’ [*delapan pooloo*] ‘lapan puluh.’

Kendati adanya persamaan di antara penentu hadapan dalam kamus Bowrey dengan bahasa Melayu kini iaitu penjodoh bilangan yang diikuti pula oleh kata bilangan. Namun jika diperhatikan contoh-contoh yang dipetik daripada kedua-duanya itu pasti dikesan juga perbezaannya. Perbezaan itu berkaca pada kedudukan kata tertentu semasa membentuk penentu hadapan. Misalnya, penentu hadapan dalam Bahasa Melayu kini dibentuk melalui rumus: penjodoh bilangan + kata bilangan + kata nama. Kata nama atau intinya berada di akhir. Berbeza dengan penentu hadapan dalam kamus Bowrey yang dibentuk melalui rumus: kata nama + kata bilangan + penjodoh bilangan. Kata nama atau inti dalam rumus ini berada di hadapan. Ertinya, perbezaan pembentukan penentu hadapan dalam kedua-duanya terletak pada kedudukan intinya, satu di depan dan yang satu lagi di belakang

Walau bagaimanapun, penyusunan letak inti daripada kedudukan depan frasa penentu hadapan ke kedudukan belakang di dalam kamus Bowrey sebenarnya tidaklah menjejaskan makna yang dibawa oleh frasa tersebut. Kalau mengikut Mees (1969: 140), penyusunan sebegitu sememangnya

dibolehkan dalam Bahasa Melayu dan fenomena tersebut dianggapnya sebagai hubungan aposisi. Mees menyandarkan pendapatnya berdasarkan perbandingan frasa [*ayam empat ekor*] [*empat ekor ayam*] dengan membandingkan penyonsangan inti dalam kedua-dua frasa itu dengan frasa [*sahabat saya si Hamid*], [*si Hamid sahabat saya*]. Kedua-dua frasa itu berlaku penyonsangan inti tetapi tidak menjejaskan aspek gramatikal dan maknanya.

Walaupun penyonsangan inti dibolehkan dalam Bahasa Melayu, terdapat persoalan lain yang muncul apabila memerhatikan frasa sedemikian dalam kamus Bowrey. Dalam kamusnya, Bowrey secara konsisten menggunakan frasa penentu hadapan dengan konstruksi kata nama + kata bilangan + penjodoh bilangan. Kalau hendak dikatakan bahawa memang Bahasa Melayu pada abad ke-17 menunjukkan rumus pembentukan penentu hadapan sebagaimana yang terdapat dalam kamus Bowrey tidak mungkin juga. Hal ini kerana maklumat yang diperolehi dari teks *Sejarah Melayu* yang dikarang pada abad ke-17 tidak pula menunjukkan adanya penyonsangan seperti itu. Lihat misalnya di dalam *Sejarah Melayu* terdapatnya frasa seperti [*seorang perempuan*] [*sekeping papan*] [*seekor gajah*] dan sebagainya (Tun Seri Lanang 2009). Oleh itu, disebabkan wujudnya semacam kontradiksi antara kamus Bowrey dengan maklumat lain dari abad yang sama, maka tentu ada sebab mengapa terjadinya hal sedemikian.

Terdapat dua kemungkinan yang boleh dipertimbangkan sebagai faktor wujudnya frasa seperti itu dalam kamus Bowrey. Kemungkinan pertama berhubungan dengan pengaruh bahasa atau dialek setempat. Seperti yang telah dinyatakan oleh Bowrey dalam pengenalan kepada kamusnya itu bahawa beliau telah singgah di pusat perdagangan utama di Alam Melayu. Justeru persinggahan itu tentunya mewujudkan kontak antara beliau dengan penutur yang berbahasa Melayu ragam tempat yang disinggahinya. Telah diketahui bahawa ketika itu Bahasa Melayu digunakan secara meluas, namun apa yang pasti ialah tentunya bahasa yang digunakan tersebut mencerminkan ragam di tempat itu walaupun kadar saling fahamnya masih tinggi. Terkait dengan gejala yang diperlihatkan oleh penentu hadapan itu, Collins (1989) misalnya pernah meneliti konstruksi bentuk milik dalam Bahasa Melayu Ambon. Menurut Collins (1989: 121-122) dalam Bahasa Melayu Ambon urutan kata yang membina bentuk milik memperlihatkan penyonsangan daripada urutan kata Bahasa Melayu baku. Jika dalam bahasa Melayu baku bentuk milik dibina berdasarkan urutan milik pemilik seperti dalam contoh [*rumah Abdul*] 'rumah yang dimiliki Abdul'. Tetapi, menurut Collins, dalam Bahasa Melayu Ambon urutan kata yang membina bentuk milik ialah pemilik milik seperti dalam contoh [*Abdul punya rumah*] 'rumah yang dimiliki oleh Abdul.' Ini menunjukkan adanya penyonsangan urutan kata yang membina bentuk milik dalam Bahasa Melayu Ambon iaitu berlaku pendepanan pemilik daripada urutan milik pemilik dalam Bahasa Melayu baku kepada pemilik milik dalam Bahasa Melayu Ambon. Melihat kepada gejala bentuk milik ini seperti adanya korelasi dengan gejala yang diperlihatkan oleh penentu hadapan. Dalam kes penentu hadapan kelihatan penyonsangan yang hampir sama dengan bentuk milik dalam Bahasa Melayu Ambon. Kemungkinan dalam Bahasa Melayu Ambon urutan penentu hadapan juga menunjukkan penyonsangan daripada Bahasa Melayu baku. Disebabkan andaian itu, mungkinkah Bowrey mengambil Bahasa Melayu Ambon sebagai data bagi mendeskripsi gejala penentu hadapan? Hakikat ini tidaklah diketahui dengan pasti. Tetapi, korelasi yang ditunjukkan oleh gejala penyonsangan itu tetap ada.

Selain daripada Bahasa Melayu Ambon, dialek Melayu yang lain juga turut memperlihatkan gejala penyonsangan yang serupa terutamanya dalam dialek di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Dalam hal ini, gejala penyonsangan yang terjadi pada penentu hadapan boleh dibandingkan dengan gejala penyonsangan dalam kata bantu [*sudah*]. Berdasarkan rumus Bahasa Melayu baku, kata bantu sentiasa berada di hadapan kata kerja seperti dalam ayat [*dia sudah makan*] [*Abu sudah ke sekolah*] dan sebagainya. Tetapi kedudukan kata bantu ini berubah dalam dialek Pantai Timur; dialek Kelantan, Terengganu dan Pahang (Abdul Hamid 2005). Dalam dialek ini, kata bantu [*sudah*] tidak lagi berada pada kedudukan sebelum kata kerja, tetapi kebalikannya iaitu berada pada kedudukan selepas kata kerja seperti [*makε deh*] 'makan sudah', [*Abu gi skoleh deh*] 'Abu pergi sekolah sudah.'

Melihat kepada perbandingan penentu hadapan dalam kamus Bowrey dengan gejala bentuk milik dalam Bahasa Melayu Ambon dan kata bantu [*sudah*] dalam dialek-dialek Pantai Timur Semenanjung yang secara jelas menunjukkan pola penyonsangan yang hampir sama jika dibandingkan dengan konstruksi bentuk frasa yang dinyatakan itu dalam Bahasa Melayu baku. Justeru itulah ditekankan di sini bahawa kemungkinan faktor pengaruh bahasa dan dialek setempat perlu diambil kira semasa menganalisis gejala penentu hadapan dalam kamus Bowrey itu. Walaupun tidaklah dapat diputuskan secara pasti akan kaitan itu, namun korelasinya boleh juga dipertimbangkan.

Kemungkinan kedua ialah adanya pengaruh bahasa Melayu ragam lisan. Setiap bahasa memiliki dua sifat asasi iaitu kecekapan berbahasa (*linguistic performance*) dan kebolehan berbahasa (*linguistic competence*) atau dalam istilah Ferdinand de Saussure, *langue* dan *parole*. Kecekapan berbahasa merujuk kepada ujaran yang dilafazkan oleh penuturnya. Manakala, kebolehan berbahasa pula merujuk kepada aspek dalaman yang membentuk sistem yang paling dasar bagi sesebuah bahasa. Dalam hal ini, kecekapan berbahasa dikaitkan dengan aspek kelisanan, sedangkan kebolehan berbahasa ialah rumus-rumus yang ternurani dalam minda setiap penutur yang mendasari pembentukan aspek kelisanan itu. Rumus pembentukan ayat Bahasa Melayu seperti yang terakam dalam Tatabahasa Dewan misalnya, dicipta berasaskan sifat kebolehan berbahasa. Rumus itu pula, kalau mengikut aliran transformasi generatif, akan mengalami suatu proses yang digelar transformasi apabila diterjemahkan kepada sifat kecekapan berbahasa.

Berhubungan dengan hal itu, rumus yang membina penentu hadapan dalam Bahasa Melayu baku iaitu kata bilangan + penjodoh bilangan + kata nama merupakan rumus yang terkait dengan kebolehan berbahasa. Sedangkan rumus penentu hadapan dalam kamus Bowrey iaitu kata nama + kata bilangan + penjodoh bilangan merupakan rumus yang terkait dengan kecekapan berbahasa. Ertinya, pada peringkat dalaman rumus idealnya tetaplah seperti rumus Bahasa Melayu baku. Namun rumus itu akhirnya mengalami proses transformasi dengan memindahkan kata nama dari kedudukan akhir ke kedudukan awal frasa.

Tentang pengaruh Bahasa Melayu ragam lisan dalam kamus Bowrey itu mungkin ada benarnya. Hal ini pernah diulas oleh Collins (2005: 67) bilamana beliau menyatakan bahawa "*kamus Bowrey, A Dictionary English and Malayo, Malayo and English, adalah kamus yang menarik dalam menggambarkan tentang Bahasa Melayu lisan.*" Ertinya, kamus Bowrey yang ditulis pada abad ke-17 dan diterbitkan pada awal abad ke-18 itu memang menggunakan data Bahasa Melayu ragam lisan. Jadi, dengan bersandarkan kenyataan tersebut tidak hairanlah terjadinya penyonsangan dalam rumus pembentukan penentu hadapan dalam kamus Bowrey. Berhubung dengan hal ini, jarang penutur natif bahasa Melayu ketika berkomunikasi mengujarkan ayat [*saya mahu membeli lima biji buah durian*] atau [*Abu menangkap empat ekor ayam*] kepada lawan bicaranya. Tetapi sering didengar ayat tersebut diujarkan sebagai [*saya nak beli buah durian lima biji*] dan [*Abu menangkap ayam empat ekor*]. Walaupun tiada kajian yang membuktikan kebenarannya, namun sebagai penutur natif bahasa ini boleh mengesannya.

Daripada kedua-dua kemungkinan yang diberikan, iaitu pengaruh dialek daerah dan pengaruh bahasa lisan, yang terakhir itulah yang agak relevan dengan fenomena penyonsangan kedudukan inti dari kedudukan akhir ke kedudukan awal seperti yang terdapat dalam kamus Bowrey itu. Seperti mana yang telah tersedia maklum bahawa ragam lisan lazimnya tidak mematuhi rumus pembentukan frasa atau ayat yang piawai dalam Bahasa Melayu. Dalam ragam ini, sering saja rumus piawai itu mengalami, antaranya pengguguran subjek seperti dalam ayat [*awak sudah makan?!*] menjadi [*dah makan?!*] sahaja. Jikalau dikaitkan dengan penyonsangan inti tersebut biasanya seseorang penutur natif bahasa Melayu yang bertutur dalam konteks tertentu, katakanlah di sebuah pasar, terasa janggal jika dia mengujarkan ayat [*saya hendak membeli lima ekor ikan*] kepada seorang jurujual di pasar tersebut. Sebab itulah dalam konteks sedemikian biasanya penutur natif Bahasa Melayu hanya akan mengujarkan ayat [*saya hendak membeli ikan lima ekor*] yang lebih mesra konteks. Lagipula, tujuan asas Bowrey menulis kamusnya itu adalah untuk membantu rakan-rakannya di Eropah yang tidak

faham Bahasa Melayu dan tidak fasih bertutur dengan bahasa ini. Jadi, untuk kemudahan pemahaman tentunya maklumat mengenai Bahasa Melayu adalah bersumberkan maklumat lisan yang lebih peka kepada konteks itu. Malah, Collins (2005) juga seperti yang dicatatkan sebelum ini pernah menyatakan bahawa kamus Bowrey memang mencerminkan ragam lisan ketika itu.

KESIMPULAN

Makalah ini secara langsungnya telah membincangkan apa yang digelar sistem bilangan dalam Bahasa Melayu pada abad ke-17 seperti yang terdapat dalam kamus Melayu-Inggeris terawal merangkumi aspek penomborannya dan penjodoh bilangannya. Walaupun tidak banyak memperlihatkan perbezaan dengan Bahasa Melayu piawai pada masa kini terutamanya aspek penomboran; hanya perbezaan ortografi dan hanya sejenis penjodoh bilangan yang mengalami penyempitan makna, tetapi aspek strukturnya iaitu melalui rumus pembentukan penentu hadapan menunjukkan adanya penyonsangan dengan Bahasa Melayu baku.

RUJUKAN

- Abdul Hamid Mahmood. 2005. *Sintaksis dialek Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bowrey, Thomas. 1701. *A dictionary English and Malayo, Malayo and English to which is added some short grammar rules ... Together with a table of time, ... By Thomas Bowrey*. London: Sam. Bridge for the author, and are to be sold by Dan. Brown, Tim. Child, John Thornton, and Richard Parker.
- Collins, James T. 1989. *Antologi kajian dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, James T. 1996. *Khazanah dialek Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, James T. 2005. *Bahasa Melayu bahasa dunia: Sejarah singkat*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Collins, James T. 2006. *Sejarah Bahasa Melayu: Sulawesi Tengah 1793-1795*. Makasar: Badan Penerbit UNM.
- Kamus Dewan Edisi ke-4*. 2006. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mashudi Kader. 2009. Some aspect of seventeenth Malay via Thomas Bowrey bilingual dictionary, published in 1701. *Kemanusiaan* 16: 83-114.
- Mees, C. A. 1969. *Tatabahasa dan tatakalam*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Nik Safiah et al. 2000. *Tatabahasa dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Reid, Anthony. 1988. *Southeast Asia in the age of commerce 1450-1680, Volume one: The lands below the winds*. New York: Yale University Press.
- Rahim Aman. 1997. Bahasa Melayu abad ke-17: Satu sorotan terhadap kamus Bowrey. *Jurnal Dewan Bahasa* 41 (10): 882-889.
- Rahim Aman. 1999. "Beta": Adakah warisan peradaban Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa* 43: 54-60.
- Tun Seri Lanang. 2009. *Sulalat al-Salatin, ya'ni perteturan segala raja-raja (sejarah Melayu)*. Dikaji dan diperkenalkan oleh Muhammad Haji Salleh. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Departmen Pendidikan dan Kebudayaan. 1988. *Tatabahasa baku bahasa Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). 2000. *Pelita bahasa penggal I-III*. Edisi baharu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.